

LAPORAN
LAWATAN PENANDA ARAS EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR
AWAM (EKSA) KE JABATAN AGAMA ISLAM MELAKA (JAIM)

BAHAGIAN A (MAKLUMAT LAWATAN)

1. **Nama Lawatan** : Laporan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) ke Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM)
2. **Tempat Lawatan** : Jabatan Agama Islam Melaka
3. **Tarikh** : 9 Ogos 2017
4. **Bilangan Peserta** : 29 peserta
5. **Jumlah Perbelanjaan** : Tiada kerana menggunakan kenderaan jabatan (bas)
6. **Penyelaras/Urus setia** : Jawatankuasa Latihan EKSA
7. **Objektif / Matlamat Kursus** :
 - i. Untuk memberi gambaran yang lebih jelas dan perkongsian pengalaman berkenaan amalan EKSA di JAIM memandangkan agensi tersebut telah mendapat pensijilan EKSA dari Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).
 - ii. Merupakan salah satu aktiviti yang penting bagi BHEUU dalam usaha mendapatkan pensijilan EKSA pada tahun 2017.

BAHAGIAN B (PERINCIAN LAWATAN)

1. Tentatif Lawatan

MASA	PERKARA
7.45 pagi	: Berkumpul di Lobi BHEUU
10.00 pagi	: Ketibaan Warga BHEUU ke Jabatan Agama Islam Melaka (Lobi Pusat Islam)
	Taklimat EKSA dan sesi perkongsian (Bilik Mesyuarat Bahagian Khidmat Pengurusan JAIM)
	Jamuan Makan Tengahari
	Lawatan Ke Zon EKSA (Bahagian Penguatkuasa JAIM dan Bahagian Pendakwaan)
	Sesi Fotografi
1.00 tengahari	: Majlis Bersurai

2. Ringkasan Sesi Taklimat dan Perkongsian EKSA

Rumusan pengisian sesi tersebut adalah:

- (i) Kronologi pelaksanaan EKSA di JAIM telah mengambil masa yang lama dan ianya bermula dengan pengamalan 5S sejak tahun 2009.
- (ii) Komitmen pihak pengurusan tertinggi adalah sangat penting dalam menjayakan amalan EKSA.
- (iii) Keadaan fizikal pejabat tidak menjadi halangan untuk amalan EKSA kerana ia bergantung kepada kerjasama dan inovasi dari semua pihak.
- (iv) Carta perbatuan dan mesyuarat-mesyuarat berkaitan EKSA perlu dilaksanakan secara berkala bagi memastikan amalan ini adalah sentiasa berterusan.

- (v) Kesemua keputusan dan minit berkaitan perlu difailkan sebagai bukti semasa sesi pengauditan MAMPU.
- (vi) Gambar sebelum dan selepas amalan EKSA perlu dipaparkan sebagai salah satu rekod penambahbaikan.
- (vii) Pengauditan dalaman EKSA dalam jabatan penting untuk menilai tahap prestasi EKSA di setiap jabatan.
- (viii) Pertandingan setiap kategori di dalam EKSA juga perlu sebagai lambang pengiktirafan terhadap usaha yang telah dilakukan.
- (ix) Kempen-kempen dalam mempromosikan EKSA harus kreatif dan berterusan dalam mendidik jabatan berkenaan kepentingan EKSA.
- (x) Kempen kitar semula merupakan salah satu inovasi bagi mendapatkan sumber kewangan dengan penjualan barangan kitar semula yang telah dikumpul.
- (xi) Latihan, bengkel dan lawatan perlu dilaksanakan kerana ia merupakan salah satu sesi perkongsian ilmu untuk mendapatkan gambaran lebih jelas berkenaan EKSA secara holistik.
- (xii) Pelan lantai yang disediakan tidak perlu terlalu teknikal tetapi ia mudah difahami oleh semua.

3. Gambar Lawatan



Sepanjang sesi taklimat dan perkongsian ilmu



Sepanjang sesi lawatan



**Penyampaian cenderahati kepada wakil JAIM oleh
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) BHEUU**



Sesi fotografi dengan peserta lawatan bersama wakil JAIM

Disediakan oleh:

Jawatankuasa Latihan EKSA
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang
14 Ogos 2017